



17 MAY, 2023

FAMA NS catat jualan RM50 juta setakat April

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

FAMA NS catat jualan RM50 juta setakat April

SEREMBAN - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Sembilan mencatat jualan RM50 juta setakat April ini, kata Exco Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Datuk Bakri Sawir.

Beliau berkata, jualan tersebut melibatkan seramai 1,306 pengusaha daripada 93 cawangan FAMA di seluruh daerah di negeri itu.

“FAMA juga membantu pengusaha timun yang menghadapi harga rendah iaitu 45 sen sekilogram dan kini harga naik kepada RM1.20 sekilogram.

“Jadi, pengguna tidak terkesan dengan harga tinggi, manakala pengeluar pula tidak terkesan dengan harga yang rendah,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Hari Bertemu Pelanggan FAMA Negeri Sembilan sempena Aidilfitri di sini pada



BAKRI

Selasa yang turut dihadiri Pengarah FAMA negeri, Shahlan Kusaseh.

Sementara itu, Bakri berkata, bagi mengatasi masalah lebih produk hasil tanaman dan bahan mentah di pasaran, FAMA perlu mewujudkan satu mekanisme iaitu sistem atau satu bentuk aplikasi yang dapat menawarkan harga jualan yang stabil kepada pelanggan.

“Sebagai contoh di negeri ini, kita laksanakan pembelian mantai dalam talian, pada mulanya idea ini amat sukar dilaksanakan.

“Namun pada tahun pertama hanya dapat jual 160 kilogram (kg) daging sahaja tetapi tahun ini penjualan mantai sudah mencecah 502kg.

“Dalam isu lambakan sayuran, sekiranya ada mekanisme seumpama itu saya yakin ia satu usaha yang baik dalam membantu pengusaha,” katanya. - *Bernama*



FAMA perlu wujudkan sistem yang dapat tawarkan harga jualan yang stabil.



17 MAY, 2023

FAMA NS catat jualan RM50 juta setakat April

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

SEREMBAN - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Sembilan mencatat jualan RM50 juta setakat April ini, kata Exco Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Datuk Bakri Sawir. Beliau berkata, jualan tersebut melibatkan seramai 1,306 pengusaha daripada 93 cawangan FAMA di seluruh daerah di negeri itu.

“FAMA juga membantu pengusaha timun yang menghadapi harga rendah iaitu 45 sen sekilogram dan kini harga naik kepada RM1.20 sekilogram.